



MUDAHNYA JADI MANGSA SCAM

Janganlah lurus bendul!



Bersama
**Mohd Rozaimy
Ridzuan**



Dalam terpingga-pinga dan sibuk menjalani kehidupan seharian, ada mangsa terus memindahkan wang ke dalam akaun yang ditetapkan sindiket

abaran yang dihadapi oleh manusia di setiap penjuru dunia semakin kompleks dan dinamik seiring dengan perubahan sosial yang diwarnai dengan kemajuan teknologi. Malaysia antara negara yang sedang bangkit daripada persekitaran pandemik menyebabkan ramai dalam kalangan rakyat hidup dalam suasana tidak menentu. Namun, ada pihak tidak bertanggungjawab ibarat seperti menahan lukah di pergentingan dengan menjalankan aktiviti sindiket scam yang merugikan mangsa dan negara.

Scam Macau, Scam Cinta, Pishing, Scam e-Dagang, Scam Bungkusan (Parcel) dan Scam Tawaran Kerja antara scam yang wujud di Malaysia, walaupun bukan semua rakyat Malaysia sedar berkaitan kewujudannya. Scam Macau adalah scam terbesar di Malaysia dan menjadi ancaman besar kepada rakyat dalam era digital.

Ada gula ada semut, begitulah yang digambarkan dalam konteks jenayah scam apabila si sindiket mula merisik mangsa untuk membuat pemindahan wang kepada mereka tanpa mengira 'jenis gula' itu. Jumlah wang yang dicuri oleh sindiket ini tidak semestinya banyak bagi memenuhi keperluan sebenar sindiket. Sungguhpun begitu, nilai wang RM100 pun dikira besar bagi mangsa yang selama ini terkapai-kapai mencari sesuap nasi. Lagi menyedihkan, ada mangsa berputih mata kerana duit yang lesap adalah duit peninggalan arwah suami.

Mangsa jenayah scam ini seakan-akan sama dengan mangsa Covid-19 kerana sesiapa sahaja terdedah kepada ancamannya. Sudah terhantuk baru tengadah, kebiasaan mereka sedar yang mereka menjadi mangsa scam apabila duit mereka lesap di dalam akaun dan sindiket pula hilang. Siapa sangka nenek berusia 68 tahun menjadi mangsa scam cinta dan kerugian ratusan ribu ringgit. Wakil rakyat juga pernah menjadi mangsa scam dan ini membuktikan jenayah scam tidak mengenal mangsa.

Walaupun pelbagai inisiatif telah diambil oleh kerajaan dalam menangani jenayah ini, sindiket scam dilihat melebarkan sayapnya sehingga berani

menyamar sebagai 'Tuanku Permaisuri Agong' untuk memperdaya mangsa.

Golongan remaja juga tidak terlepas menjadi mangsa scam apabila mereka membeli barang secara atas talian dengan tawaran harga murah daripada harga pasaran, namun barang tersebut tidak kunjung tiba. Keadaan ekonomi yang semakin mencabar merencatkan lagi peluang anak muda untuk mendapatkan pekerjaan menyebabkan ramai di antara mereka yang terperangkap menjadi mangsa scam pekerjaan.

Mereka diupam kononnya bekerja sebagai operator tele pemasaran di Kemojoja. Realitinya, mereka menjadi mangsa scam dan diarahkan untuk menjalankan kegiatan scam ke atas orang lain. Mereka dipaksa menjalankan misi jahat memperdaya mangsa untuk menyerahkan maklumat peribadi dan wang melalui transaksi bank dan ada di kalangan mereka didera jika enggan ikut arahan.

Laporan The Digital News Report 2017 mendapati pengguna internet di Malaysia mencatatkan penggunaan aplikasi WhatsApp terbanyak di dunia iaitu sebanyak 51 peratus bagi mendapatkan maklumat dan berkongsi cerita. Terkini, scam melibatkan aplikasi seperti WhatsApp dan Telegram semakin menjadi-jadi dan taktik yang digunakan seolah-olah mudah memperdayakan mangsa. Pemilik akaun WhatsApp dan Telegram boleh menjadi mangsa digodam sindiket penipuan yang menyamar untuk meminta wang melalui 'WhatsApp take over'.

Kebiasannya, sindiket yang menyamar sebagai seorang

pegawai daripada syarikat aplikasi WhatsApp akan meminta kata laluan daripada mangsa yang menggunakan aplikasi tersebut dengan alasan syarikat itu telah tersilap hantar kata laluan berkenaan kepada mangsa. Kata laluan yang diterima sindiket itu akan membolehkan mereka mengambil alih akaun WhatsApp mangsa dan menyamar sebagai diri mangsa yang kononnya ingin meminjam wang daripada rakan atau adik-beradik termasuk suami ataupun isteri.

Namun, jumlah wang yang diminta tidak terlalu tinggi bagi mengelakkan syak wasangka daripada pemiutang. Kebiasannya, sindiket yang menyamar sebagai mangsa itu akan meminta rakan mangsa untuk memindahkan wang ke akaun keldai. Apabila ditanya, sindiket akan memberi alasan bahawa akaun bank beliau sedang menghadapi masalah.

Antara faktor berlakunya jenayah scam ini disebabkan adanya orang yang sudi atau tanpa sedar telah menjadi pemilik akaun keldai. Akaun keldai berlaku apabila seseorang itu membenarkan akaun bank mereka digunakan pihak lain untuk kemasukan wang bagi tujuan menipu. Mereka yang terperangkap menjadi pemilik akaun keldai akan mengiriskan kad ATM mereka dan segala maklumat yang diperlukan kepada satu alamat untuk tujuan pinjaman wang secara atas talian. Selepas menerima kad dan maklumat akaun, sindiket akan menjual kad ATM tersebut kepada mana-mana sindiket scam.

Dalam keadaan terpingga-pinga

dan kesibukan menjalani kehidupan seharian, ada mangsa terus memindahkan atau memasukkan wang ke dalam akaun yang ditetapkan sindiket. Sifat bantu membantu yang menjadi prinsip hidup membuatkan mangsa husnuzon untuk membantu rakan atau saudara-mara tanpa memeriksa kesasihan pertolongan yang diminta.

Usaha mengurangkan dan menghapuskan jenayah scam memerlukan kesepaduan semua pihak. Seseorang yang nyaris atau pernah menjadi mangsa scam perlu menguar-uarkan situasi sebenar yang pernah terjadi pada mereka kepada rakan dan ahli keluarga. Hal ini penting kerana ia bertindak sebagai pedoman kepada orang lain untuk sentiasa berhati-hati membuat keputusan melibatkan wang. Orang ramai atau netizen dinasihatkan tidak mengecam mangsa yang berkongsi cerita bagaimana mereka ditipu di media sosial supaya tidak menambahkan lagi bara yang tersimpan.

Orang ramai dinasihatkan selalu beringat dan berhati-hati sebelum memasukkan atau memindahkan wang kepada orang yang tidak dikenali. Sekiranya terdapat keraguan, mereka boleh menyemak akaun bank atau nombor telefon yang diragui melalui laman sesawang <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/>.

**Penulis Pensyarah Dasar
Awam di Fakulti Sains
Pentadbiran dan Pengajian
Polisi, UiTM Cawangan
Pahang Kampus Raub**